

06 NOV 1998

MAHATHIR-MIKROCIP/I

INDUSTRI MIKROCIP PERLUKAN LEBIH BANYAK TOKOKAN NILAI

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Usaha-usaha mestilah digerakkan ke arah meningkatkan nilai ditambah dalam eksport mikrocip dari Malaysia kerana kandungan tempatan dalam produk itu masih lagi kecil, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata walaupun Malaysia adalah pengeluar mikrocip ketiga terbesar di dunia, nilai ditambah adalah sangat kecil dan atas sebab itulah ia perlu meningkatkan input tempatan agar eksport mengandungi nilai ditambah input tempatan yang lebih besar.

"Majoriti kandungan terdiri daripada komponen import," katanya kepada pemberita di sini hari ini selepas satu persidangan mengenai penubuhan reka bentuk sokongan komputer Malaysia dan persidangan industri mikrocip, di sini, hari ini.

Perkara ini memerlukan pembangunan sumber manusia dalam reka bentuk mikrocip yang membentuk bahagian penting dalam industri mikrocip.

Dr Mahathir berkata apabila Malaysia beralih kepada negara perindustrian, kebimbangan utama kerajaan adalah untuk mewujudkan peluang pekerjaan.

"Tetapi sekarang ia bukan sahaja mewujudkan berjuta pekerjaan bagi penduduk tempatan tetapi juga menyediakan dua juta pekerjaan bagi orang luar," katanya.

"Kini, kita tidak mahu mewujudkan pekerjaan, kita mahu mempunyai lebih banyak nilai ditambah yang boleh dihasilkan daripada industri mikrocip," katanya.

Beliau berkata, kerajaan mahu membantu sektor swasta tetapi ia memerlukan tindak balas dan komunikasi daripada sektor terbabit bagi keperluan mereka.

Beliau berkata kerajaan bersedia untuk mengkaji semula dasarnya bagi memudahkan masyarakat perniagaan, sambil menambah, "kita telah banyak menukar undang-undang dan dasar bagi memastikan mereka mencapai kejayaan."

Dr Mahathir berkata Malaysia telah bergiat lebih dua dekad dalam kegiatan perindustrian dan kini sudah mencapai tahap di mana orang ramai boleh memulakan industri mereka sendiri serta mengendalikan pemasaran dan reka bentuk.

Beliau berkata industri telah bergerak daripada pengeluaran mekanikal mudah kepada industri mikrocip yang lebih kompleks, rumit dan misteri.

Beliau berkata jika Malaysia tidak memerlukan teknologi dalam mikrocip, negara pasti akan ketinggalan di belakang negara-negara lain.

Bagi menarik orang ramai terlibat dalam reka bentuk mikrocip, tidak lagi perlu menyediakan kelonggaran cukai atau perkara-perkara ketara lain tetapi apa yang lebih penting adalah menawarkan satu suasana yang boleh mencetuskan idea, katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia boleh memajukan kepakaran dalam reka bentuk mikrocip jika mereka terus mencuba.

Beliau berkata mereka bentuk mikrocip bukan semudah mempelajari teori tetapi ia juga melibatkan tugas yang berkaitan dengan komputer.

Menurutnya, pengetahuan dalam mereka bentuk masih belum memadai tanpa pengetahuan dalam penggunaan dan pemasaran.

Oleh itu rangkaian kerja sangat penting untuk menjadikan pengeluaran dan reka bentuk mencapai kejayaan di Malaysia.

Perdana Menteri berkata Malaysia mempunyai Koridor Raya Multimedia yang dibentuk untuk membawa rakyat ke dalam industri teknologi maklumat serta

pereka bentuk mikrocip.
-- BERNAMA
AD ZK MA